

Latihan Karangan Syarahan

Soalan: Anda telah menyertai satu pertandingan yang dianjurkan oleh Panitia Bahasa Melayu di sekolah anda. Tajuk syarahan yang anda pilih itu ialah **"Cara-Cara Mempopularkan Permainan Tradisional"**.

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

Rangka Karangan:

Pendahuluan

- Kata alu-aluan

Isi -isi:

1. Maksud permainan tradisional
2. Individu mencari maklumat berkaitan permainan tradisional
3. Ibu bapa beri sokongan kepada anak-anak
4. Peranan pihak sekolah yang menubuhkan kelab permainan tradisional
5. Peranan kerajaan melalui media massa

Penutup

-pelbagai pihak perlu bekerjasama

SUSUN KARANGAN DI BAWAH MENGIKUT RANGKA KARANGAN

Hadirin sekalian,

Permainan tradisional ialah permainan yang dimainkan oleh masyarakat dahulu pada masa lapang. Antara permainan tradisional yang mendapat sambutan masyarakat ialah layang-layang, congkak dan batu seremban. Namun demikian, permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda. Oleh sebab itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional ini.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, guru-guru dan rakan-rakan. Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan. Tajuk syarahan yang akan saya sampaikan pada hari ini ialah **"Cara-Cara Mempopularkan Permainan Tradisional"**.

Selain itu, pihak sekolah juga boleh menubuhkan kelab permainan tradisional. Dengan tertubuhnya kelab permainan tradisional ini, ahli-ahli kelab dapat menganjurkan pertandingan. Sekolah juga boleh menghantar ahli-ahli kelab mengikuti kursus permainan tradisional bagi menarik minat pelajar melibatkan diri dalam permainan ini. Peserta yang mengikuti kursus hendaklah diberi sijil penyertaan dan penghargaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah berperanan penting untuk mempopularkan permainan tradisional.

Antara cara mempopularkan permainan tradisional ini ialah kita perlu mencari maklumat tentang permainan tradisional tersebut. Setelah maklumat diperolehi, kita perlu mencuba permainan tersebut dengan ahli keluarga. Kita juga boleh mengambil bahagian dalam pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh mana-mana pihak. Sebagai contoh pertandingan permainan congkak. Dengan ini, jelaslah bahawa generasi muda perlu mempopularkan permainan tradisional negara kita.

Seterusnya, pihak ibu bapa pula, perlu memberi sokongan kepada anak-anak dengan cara membelikan peralatan permainan tradisional. Ibu bapa juga boleh membawa anak-anak menyaksikan pertandingan permainan tradisional ini. Selain itu, ibu bapa boleh membawa anak-anak melawat ke muzium dan galeri seni untuk melihat dengan lebih dekat peralatan permainan tradisional ini di samping memahami cara-cara permainan ini dimainkan. Usaha-usaha yang dilakukan oleh ibu bapa ini dapat mempopularkan permainan tradisional.

Kesimpulannya, pelbagai pihak perlu bekerjasama dalam mempopularkan permainan tradisional ini . Usaha yang berterusan penting supaya generasi akan datang dapat mengenali dan meminati permainan tradisional. Kesannya, permainan tradisional ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Sekian terima kasih.

Malah, pihak kerajaan perlu mempromosikan permainan tradisional melalui televisyen dan surat khabar. Usaha ini boleh dilakukan melalui kempen yang berterusan. Sebagai contoh, kerajaan mengadakan karnival pertandingan tradisional seperti Pesta Layang-layang yang diadakan di Pasir Gudang, Johor setiap tahun. Melalui Kementerian Belia dan Sukan kerajaan boleh mengadakan kursus permainan tradisional ini untuk golongan belia. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan remaja. Usaha kerajaan ini dapat menarik kedatangan pelancong asing ke negara kita sekali gus dapat mempopularkan permainan tradisional ini.

Karangan Lengkap:

Hadirin yang dihormati,